SAMPEL PERCUMA

Trial STPM Sem 1 Perakaunan Pulau Pinang

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 5 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Soalan 1

(a) Nyatakan dua asas perakaunan. [2 markah]

(b) Jelaskan dua kepentingan pelarasan pada akhir tempoh. [2 markah]

(c) Rin Enterprise menyediakan perkhidmatan pembersihan bangunan.
Berikut adalah imbagan duga yang dipetik daripada buku akaun pada 31 Disember 2020

Akaun	(RM)
Modal	150,000
Tunai di tangan dan bank	28,650
Bekalan	23,600
Insurans Prabayar	600
Mesin dan Peralatan	52,000
Susut nilai terkumpul mesin dan peralatan	33,600
Akaun Belum Bayar	3,780
Hasil Perkhidmatan	75,340
Hasil Perkhidmatan belum terperoleh	6,600
Pinjaman 5%	12,000
Deposit utiliti	800
Belanja faedah	550
Belanja pelbagai	35,470

Pada 31 Disember 2020, didapati maklumat berikut belum diselaraskan:

(1) Hanya 50% daripada hasil perkhidmatan belum terperoleh masih belum disempurnakan pada 31 Disember 2020.

(2) RM4,800 bekalan ~~masih~~ masih berada dalam stor perniagaan.

(3) Pada 31 Disember 2020, salah sebuah peralatan yang yang bernilai RM12,000 dibeli pada 1 Oktober 2016 telah mengalami kerosakkan teruk dan pemilik membuat keputusan untuk menghapuskannya tanpa nilai. Polisi perniagaan menetapkan susut nilai tahunan bagi peralatan dan mesin adalah 20% atas kos dan tiada peruntukan susut nilai pada tahun pembelian.

(4) Belanja faedah pinjaman bank hanya dijelaskan sehingga bulan November 2020.

(5) Polisi insurans adalah untuk tempoh setahun bermula 1 Julai 2020.

(6) Pada 31 Disember 2020, perniagaan telah menghantar sekeping invois bernilai RM2,850 kepada Canoon Trading.

Dikehendaki:

(i) Berdasarkan pernyataan (1) dan (2),
Jelaskan andaian atau prinsip perakaunan yang perlu dipatuhi oleh Rin Enterprise.
[2 markah]

(ii) Sediakan, bagi Enterprise,

(a) Catatan jurnal pelarasan yang berkaitan pada tarikh imbangan. [10 markah]

(b) Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.
[4 markah]

Soalan 2

(a) Nyatakan perbezaan pelaburan sekuriti ekuiti dan pelaburan sekuriti hutang dari segi jenis pelaburan dalam sesebuah syarikat, bentuk pulangan. [2 markah]

(b) Syarikat HD Berhad menyediakan penyata kewangan pada 31 Disember setiap tahun. Pada 31 Disember 2019, buku akaun Syarikat HD Berhad telah menunjukkan baki aset seperti yang berikut:

	RM
Alatan Pejabat	120,000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	43,200
Paten	9,000
Sekuriti boleh pasar	50,000
Akaun belum terima	23,000
Peruntukan hutang ragu	450
Bank	65,800
Tunai	7,650

Maklumat tambahan:

(1) Pada I Oktober 2020, sebuah van terpakai berharga RM25,000 telah dibeli dengan bayaran cek. Pemiagaan turut membelanjakan amaun insurans kenderaan sebanyak RM850, cukai jalan RM160, pemasangan cermin gelap sebanyak RM300, mengecat logo pemiagaan RM500. Semua bayaran tambahan dijelaskan dengan cek. Van ini dijangka dapat digunakan selama 5 tahun tanpa nilai sisa.

(2) Pada 31 Disember 2020, Syarikat telah membuat pelaburan sekuriti boleh pasar sebanyak 5,000 unit saham daripada Syarikat Cemerlang Berhad dengan nilai RM10 sesaham. Syarikat akan menjual pelaburan tersebut dalam tempoh 12 bulan. Kos terlibat semasa memperoleh sekuriti ini ialah kos yuran dan komisen ejen sebanyak RM200. Semua bayaran dibuat melalui transaksi bank.

(3) Pada 31 Disember 2020, sebuah alatan pejabat bernilai RM12,000 yang dibeli pada 1 Januari 2018 dengan nilai bakian RM6,144 telah ditukar dengan sebuah alatan pejabat baharu yang bernilai RM30,000. Nilai bakian tukar beli RM25,500 dibayar dengan cek. Polisi syarikat menetapkan alatan pejabat disusut nilaikan 20% setahun atas kaedah baki berkurangan.

(4) Peruntukan hutang ragu ditetapkan seperti yang berikut:

Amaun (RM)	Pengumuran Penghutang (Hari)	Peruntukan Hutang Ragu (%)
20,000	1 - 30	2%
3,000	>30 hari	5%

(5) Paten yang diperoleh pada awal tahun 2019 dibayar RM10,000. Paten tersebut dilunaskan atas tempoh 10 tahun.

(6) Dividen untuk sekuriti boleh pasar telah diisytiharkan sebanyak 3%.

Dikehendaki:

(i) Sediakan catatan jurnal pelupusan aset, perolehan aset baharu, pelarasan pada akhir tahun. [14 markah]

Soalan 3

(a) Takrifkan liabiliti pasti dan liabiliti dianggarkan dengan satu contoh yang sesuai. [3 markah]

(b) Syarikat HSH Berhad telah mula operasi sejak lima tahun lalu. Pada 1 Disember 2020, buku akaun Syarikat HSH telah menunjukkan baki liabiliti seperti yang berikut:

	RM
Akaun belum bayar	15,000
Waranti belum bayar	5,000
Bon 5% (matang 1 Jun 2021)	60,000

Urus niaga bagi bulan Disember 2020 adalah seperti yang berikut:

Disember 1	HSH Berhad telah menerbitkan debentur 6% bernilai RM80,000, untuk dua tahun. Faedah debentur akan dibayar pada tarikh penebusan.
	Mendapat RM30,000 pinjaman dari Maybank Berhad bagi tempoh 2 tahun pada kadar tetap 5% setahun. Ansuran pertama mulai akhir bulan Disember 2020.
	Sebahagian premis telah disewa kepada Perniagaan Giget. RM6,000 telah diterima termasuk dua bulan sewa dan deposit sewa sebulan RM2,000.
	Baki akaun belum bayar pada 1 Disember 2020 ditukar ke nota belum bayar berbentuk 6 bulan pada kadar 4% setahun. Faedah akan dijelaskan semasa penjelaskan pada tarikh matang
20	Memperoleh sebuah lori terpakai bernilai RM24,000 melalui skim sewa beli. Bayaran ansuran pokok dan belanja faedah adalah RM2,000 dan RM60 masing-masing untuk tempoh satu tahun. Ansuran pertama adalah pada bulan awal bulan Januari 2021. Polisi perniagaan menetapkan peruntukan susut nilai tidak akan dikenakan pada tahun pertama perolehan aset.
22	Alat ganti bernilai RM300 dikeluarkan dari stor untuk pembaikan barang niaga yang dijual kerana masih berada dalam tempoh waranti.
31	Sekeping invois barang niaga bernilai RM2,200 diterima dan belum direkod dalam mana-mana buku. Syarikat mengamalkan sistem berkala dalam perekodan inventori perniagaan.
	Menjelaskan ansuran pertama pinjaman bank.
	Belanja faedah bon 5% belum dijelaskan.

Maklumat tambahan:

- Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember 2020.
- Semua transaksi pembayaran adalah melalui cek sahaja.

Dikehendaki:

(i) Sediakan catatan jurnal dan catatan jurnal pelarasan untuk setiap urus niaga di atas. [11½ markah]

(ii) Sediakan bahagian liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020. [5½ markah]

Soalan 4

(a) Nyatakan dua sebab kepentingan akaun kawalan. [2 markah]

(b) Perniagaan Dinamik mengamalkan sistem berterusan dalam perekodan inventori perniagaan. Pada 31 Disember 2020 didapati imbangan duga yang disediakan adalah tidak seimbang. Oleh itu, kerani akaun membuka akaun tergantung untuk menyelaraskan perbezaannya dan meyediakan Penyata Pendapatan Komprehensif.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Mesin	280,000	
Untung bersih		239,850
Akaun kawalan belum bayar		9,600
Akaun kawalan belum terima	24,350	
Inventori	3,580	
Akaun tergantung		25,850
Modal		380,000
Pelaburan	300,000	
Bank	47,370	
	655,300	655,300

Suatu siasatan dilakukan untuk mengesan punca ketidakseimbangan dan perkara yang berikut telah ditemui.

1. Perniagaan telah menyewa sebuah stor baharu untuk penyimpanan barang niaga mulai bulan Januari 2021. Sewa bulanan adalah RM800 sebulan. Cek dikeluarkan untuk sebulan deposit dan dua bulan sewa didebitkan dalam akaun belanja sewa.
2. Bayaran balik barang niaga kepada Pelanggan Sim RM850 dan cek diterima hanya dicatatkan dalam akaun bank sahaja.
3. Belian barang niaga secara kredit sebanyak RM900 daripada Logitech Enterprise telah didebitkan ke dalam akaun kawalan belum bayar dan akaun inventori.
4. Pemilik melabur RM10,000 tunai ke dalam bank untuk kegunaan perniagaan telah didebitkan ke dalam akaun pelaburan dan bank.
5. Diskaun sebanyak RM250 kepada seorang penghutang kerana menjelaskan hutang belum dicatat dalam buku akaun.
6. Mesin diperuntukan susut nilaikan dengan kadar 20% atas kaedah baki berkurangan.
7. Kerani akaun menolak RM1,600 yang diterima daripada akaun pelanggan Kedai Bobo ke dalam akaun kawalan belum bayar.
8. Terima sekeping cek bernilai RM2,320 daripada seorang penghutang telah di tersalah rekod sebagai RM2,230 dalam buku tunai.

Anda dikehendaki:

(i) Tunjukkan catatan Jurnal bagi semua perkara di atas. [9 markah]

(ii) Sediakan penyata pelarasan untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. [5 markah]

(iii) Sediakan Imbangan Duga pada 31 Disember 2020. [4 markah]

Soalan 5

(a) Nyatakan tiga kepentigan rizab berkanun dalam koperasi. [3 markah]

(b) Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada Koperasi Maju Jaya pada 31 Disember 2020.

	Debit RM	Kredit RM
Untung kasar		485,000
Lain-lain pendapatan		31,500
Hasil faedah		8,100
Belanja operasi	236,000	
Belanja faedah	3,150	
Premis koperasi	780,000	
Peralatan (kos)	180,000	
Susut nilai terkumpul peralatan 1 Januari 2020		72,000
Pelaburan dalam ekuiti	300,000	
Akaun belum bayar		30,800
Akaun belum terima	59,800	
Inventori	22,300	
Tunai di bank	82,700	
Kumpulan wang rizab berkanun		353,600
Modal saham		400,000
Modal yuran		144,000
Pinjaman anggota dan bukan anggota 3%	270,000	
Simpanan khas anggota		31,500
Keuntungan terkumpul pada 1 Januari 2020		357,000
Akaun tergantung		20,450
	1,933,950	1,933,950

Maklumat tambahan:

(1) Kemasukan 10 ahli baharu pada 1 Disember 2020 hanya direkod dalam buku bank sahaja.

- Peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh koperasi bagi setiap kemasukan ahli baru adalah seperti yang berikut:

	RM
Yuran masuk pendaftaran ahli baru	100
Modal saham	2,000
Modal yuran ahli bulanan	30

Caruman bagi modal yuran ahli dibuat melalui potongan gaji pada akhir setiap bulan mulai tarikh pendaftaran.

(2) Dividen untuk pelaburan dalam ekuiti sebanyak 6% masih belum diterima.
(3) Belanja utiliti sebanyak RM850 yang dibayar pada akhir tempoh terlupa rekod dalam akaun belanja.
(4) Belanja susut nilai peralatan diperuntukan 20% atas kos.
(5) Agihan berkanun seperti yang diklasifikasikan oleh Akta Koperasi 1993, diperuntukkan sebanyak 15% daripada keuntungan semasa.
(6) Honorarium lembaga pengarah diperuntukan sebanyak 2%.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 5 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar